



ANALISIS HIERARKI KEPERLUAN TERHADAP
MASYARAKAT INDIA MALAYSIA
BERDASARKAN WATAK UTAMA
DALAM KUMPULAN CERPEN
'ETHIRVINAIKAL' KARYA
KO.PUNNIAVAN



SUGUNESHWARAN A/L SEKHARAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





ANALISIS HIERARKI KEPERLUAN TERHADAP MASYARAKAT INDIA
MALAYSIA BERDASARKAN WATAK UTAMA DALAM
KUMPULAN CERPEN '*ETHIRVINAIKAL*'
KARYA KO.PUNNIAVAN

SUGUNESHWARAN A/L SEKCHARAN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)



FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, **SUGUNESHWARAN A/L SEKHARAN, M20171000701, FAKULTI BAHASA & KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawadisertasi/tesis yang bertajuk **ANALISIS HIERARKI KEPERLUAN MASYARAKAT INDIA MALAYSIA BERDASARKAN WATAK UTAMA DALAM KUMPULAN CERPEN 'ETHIRVINAICAL' KARYA KO.PUNNIAVAN** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA DR. MANONMANI DEVI A/P M.A.R ANNAMALAI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **ANALISIS HIERARKI KEPERLUAN MASYARAKAT INDIA MALAYSIA BERDASARKAN WATAK UTAMA DALAM KUMPULAN CERPEN 'ETHIRVINAICAL' KARYA KO.PUNNIAVAN** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA SASTERA (KESUSASTERAAAN TAMIL)**.

Tarikh


Tandatangan Penyelia
Assoc.Prof. Dr. Manonmani Devi M.A.R. Annamalai
Faculty of Languages and Communication,
Sultan Idris Education University,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia





INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: ANALISIS HIERARKI KEPERLUAN TERHADAP MASYARAKAT INDIA MALAYSIA BERDASARKAN
WATAK UTAMA DALAM KUMPULAN CERPEN 'ETHIRVINAICAL' KARYA KO.PUNNIAN

No. Matrik /Matric's No.: M20171000701

Saya / I : SUGUNESHWARAN A/L SEKARAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori dibawah /Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: _____

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Assoc.Prof. Dr. Manonmani Devi M.A.R. Annamalai
Faculty of Languages and Communication,
Sultan Idris Education University,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali seabadan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Saya ingin menggunakan peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya untuk melengkapkan tesis sarjana dengan jayanya. Tanpa jasa baik pihak-pihak ini, saya tidak akan mampu untuk menghabiskan tesis ini. Sebelum itu, saya ingin menyatakan rasa kesyukuran terhadap Tuhan di atas keberkatannya. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberikan saya peluang untuk menghasilkan tesis sarjana ini. Saya juga berterima kasih kepada pihak universiti kerana membantu saya dengan kemudahan-kemudahan untuk mencari sumber rujukan. Tidak saya lupakan Prof. Madya Dr. Manonmani Devi A/P M.A.R Annamalai kerana telah banyak membantu saya untuk melengkapkan tesis sarjana ini. Beliau telah memberikan saya dorongan dan motivasi untuk saya terus berjuang dalam usaha ini. Sudah tentu saya tidak dapat menyiapkan tesis sarjana ini tanpa bimbingan dan nasihat beliau. Saya juga ingin berterima kasih kepada Prof Madya Dr Samikkannu Jabamoney Ishak Samuel dan Prof. Dr. Abdul Halim Bin Ali kerana memberi tunjuk ajar untuk membaiki kekurangan dalam tesis ini. Dorongan daripada ibubapa dan isteri saya telah menyemarakkan semangat apabila menghadapi cabaran-cabaran dalam tempoh pengajian saya. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada anak saya, Tharani Suguneshwaran kerana menjadi inspirasi kepada saya untuk melengkapkan tesis sarjana ini. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak di atas kerana membimbing saya dalam perjuangan ini. Terima kasih.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hierarki keperluan dan tahap pencapaian hierarki keperluan masyarakat India di Malaysia dalam kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*' karya Ko.Punniavan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks untuk mengkaji 17 cerpen yang terkandung dalam kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*'. 17 watak daripada kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*' karya Ko.Punniavan telah dikaji berdasarkan Model Hierarki Keperluan Maslow. Daripada 17 watak yang dikaji, 41% masyarakat India hanya mampu memenuhi keperluan fisiologi, 24% dapat memenuhi keperluan keselamatan, 18% pula dapat mencapai keperluan kasih sayang & kepunyaan diri, dan akhir sekali, 17% berjaya mencapai keperluan tertinggi iaitu, keperluan kesempurnaan sendiri. Tujuh faktor yang menghalang masyarakat India di Malaysia daripada memenuhi kriteria-kriteria hierarki keperluan yang lebih tinggi telah dikenal pasti dan disenaraikan berdasarkan analisis dapatan kajian ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti masyarakat India di Malaysia masih bergelut untuk memenuhi peringkat-peringkat keperluan aras bawah seperti keperluan fisiologi dan keperluan keselamatan. Kesimpulannya, kajian ini menumpukan perhatian terhadap pelbagai cabaran yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia untuk bergerak menuju ke hierarki keperluan yang lebih tinggi. Implikasinya, dapatan kajian ini mampu memurnikan inisiatif kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan dalam usaha mempertingkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India di Malaysia.





**STUDY OF HIERARCHY OF NEEDS AMONG MALAYSIAN INDIAN
COMMUNITY BASED ON MAIN CHARACTERS IN
'ETHIRVINAIKAL' SHORT STORIES
WRITTEN BY KO.PUNNIAVAN**

ABSTRACT

This main objective of this study is to identify the hierarchy of needs and the level of achievement within the Indian community in Malaysia, as shown in the 'Ethirvinaikal' written by Ko.Punniavan. This qualitative study is conducted using library research and content descriptive analysis. 17 characters from 17 short stories written by Ko.Punniavan were analysed based on Maslow's Hierarchy of Needs. The findings show that, out of 17 characters, 41% were able to only achieve physiological needs, whereas 24% were able to achieve safety needs. 18% of the 17 characters managed to achieve the love and belongingness hierarchy. The remaining 17% of the characters were able to achieve the highest hierarchy, the self-actualization hierarchy. This study shows that a majority of Malaysian Indians faced hard time to achieve a higher hierarchy of needs based on Maslow's Hierarchy of Needs. The findings also indicate that a majority of Malaysian Indians struggle at the physiological and safety needs. Furthermore, this study also highlights seven factors that prevent Malaysian Indians from achieving higher hierarchy on Maslow's Hierarchy of Needs model. The findings of this study imply that the majority of Malaysian Indians struggle with physiological and safety needs. In conclusion, this study emphasises the struggles faced by the Indian community in Malaysia to achieve a higher level of needs based on Maslow's Hierarchy of Needs. The contribution of the study is that the insights gained can inform government agencies and non-governmental organisations to help Malaysian Indians who are still struggling to achieve their basic needs.



KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Soalan Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	16
1.7 Batasan Kajian	18
1.8 Sumber Kajian	21
1.9 Definisi Konsep dan Operasional	22
1.10 Kesimpulan	28
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	

2.1 Pengenalan	29
2.2 Sorotan Kajian	30
2.2.1 Teori Keperluan Abraham Maslow	31
2.2.2 Cerpen Tamil di India & Malaysia	37
2.3 Kesimpulan	47

BAB 3 METADOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	48
3.2 Reka Bentuk Kajian	50
3.2.1 Kerangka Kajian	52
3.3 Kaedah Kajian	53
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	53
3.3.2 Kaedah Analisis Teks	54
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	56
3.4.1 Pembacaan Data	57
3.4.2 Pemilihan Data	57
3.4.3 Pembahagian Data	58
3.5 Kaedah Menganalisis Data	58
3.6 Data Kajian	60
3.6.1 Data Primer	60
3.6.2 Data Sekunder	61
3.7 Instrumen Kajian	62
3.8 Teori Kajian	64
3.8.1 Teori Humanistik Kesempurnaan Kendiri Abraham Maslow	65
3.8.2 Model Hierarki Keperluan Maslow	66

3.9 Kesimpulan	69
----------------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	70
----------------	----

4.2 Aspek Keperluan dan Analisis Hierarki Keperluan Masyarakat India di Malaysia	72
--	----

4.2.1 Hierarki Keperluan Fisiologi	73
------------------------------------	----

4.2.1.1 Keperluan Makanan dan Minuman	74
---------------------------------------	----

4.2.1.2 Keperluan Tempat Tinggal	93
----------------------------------	----

4.2.1.3 Keperluan Pakaian	114
---------------------------	-----

4.2.1.4 Kesimpulan Hierarki Keperluan Fisiologi	134
---	-----

4.2.2 Hierarki Keperluan Keselamatan	136
--------------------------------------	-----

4.2.2.1 Keperluan Keselamatan Diri	136
------------------------------------	-----

4.2.2.2 Keperluan Keselamatan Ekonomi	159
---------------------------------------	-----

4.2.2.3 Keperluan Keselamatan Emosi	179
-------------------------------------	-----

4.2.2.4 Rumusan Hierarki Keperluan Keselamatan	202
--	-----

4.2.3 Hierarki Keperluan Kasih Sayang dan Kepunyaan Diri	206
--	-----

4.2.3.1 Keperluan Kasih Sayang Keluarga	207
---	-----

4.2.3.2 Keperluan Kasih Sayang Sahabat	222
--	-----

4.2.3.3 Keperluan Hubungan Intim	235
----------------------------------	-----

4.2.3.4 Keperluan Interaksi Sosial	248
------------------------------------	-----

4.2.3.5 Rumusan Hierarki Keperluan Kasih Sayang dan Kepunyaan Diri	262
--	-----

4.2.4 Hierarki Keperluan Penghargaan Kendiri	264
--	-----

4.2.4.1 Keperluan Penghargaan Diri Sendiri	265
--	-----

4.2.4.2 Keperluan Penghargaan daripada Individu Lain	281
--	-----

4.2.4.3	Rumusan Hierarki Keperluan Penghargaan Kendiri	292
4.2.5	Hierarki Keperluan Kesempurnaan Kendiri	294
4.2.5.1	Rumusan Hierarki Keperluan Kesempurnaan Kendiri	304
4.2.6	Rumusan Analisis Keseluruhan Hierarki Keperluan	305
4.3	Analisis Tahap Pencapaian Keperluan Masyarakat India di Malaysia dalam kumpulan cerpen Ethirvinaikal	312
4.3.1	Analisis Watak-watak yang Mencapai Hierarki Keperluan Fisiologi	313
4.3.2	Analisis Watak-watak yang Mencapai Hierarki Keperluan Keselamatan	316
4.3.3	Analisis Watak-watak yang Mencapai Hierarki Keperluan Kasih Sayang & Kepunyaan Diri	319
4.3.4	Analisis Watak-watak yang Mencapai Hierarki Keperluan Kesempurnaan Diri	322
4.4	Punca-punca Membendung Masyarakat India di Malaysia untuk Memenuhi Hierarki Keperluan yang lebih Tinggi	325
4.4.1	Masalah Keluarga	326
4.4.2	Ketagihan Alkohol	333
4.4.3	Gangguan Emosi	338
4.4.4	Masalah Kesihatan	343
4.4.5	Ketiadaan Penghargaan dan Pengiktirafan	348
4.4.6	Konflik dengan Masyarakat Setempat	352
4.4.7	Ketiadaan Persahabatan	355
4.5	Kesimpulan	360
BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI & CADANGAN		
5.1	Pengenalan	361
5.2	Analisis Dapatan Kajian	362

5.2.1 Mengenal pasti hierarki keperluan masyarakat India di Malaysia dengan kumpulan cerpen ‘Ethirvinaikal’ berpandukan Model Hierarki Keperluan Maslow	363
5.2.2 Menganalisis tahap pencapaian keperluan masyarakat India di Malaysia dalam kumpulan cerpen ‘Ethirvinaikal’ berpandukan Model Hierarki Keperluan Maslow	370
5.2.3 Menyenaraikan punca-punca yang membendung masyarakat India di Malaysia dalam kumpulan cerpen ‘Ethirvinaikal’ daripada mencapai hierarki keperluan yang lebih tinggi	380
5.3 Implikasi Kajian	385
5.4 Cadangan & Kajian Lanjutan	386
5.5 Kesimpulan	388
RUJUKAN	390

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	52
3.2 Model Hierarki Keperluan Maslow	68

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
------------	--	------------

1.1	Senarai cerpen yang dikaji	19
3.1	Instrumen kajian hierarki keperluan masyarakat India di Malaysia dalam kumpulan cerpen 'Ethirvinaikal'	63
4.1	Pencapaian Hierarki Keperluan Fisiologi (Makanan & Minuman)	91
4.2	Pencapaian Hierarki Keperluan Fisiologi (Tempat Tinggal)	112
4.3	Pencapaian Hierarki Keperluan Fisiologi (Pakaian)	132
4.4	Rumusan Pencapaian Hierarki Keperluan Fisiologi	134
4.5	Pencapaian Hierarki Keperluan Keselamatan Diri	156
4.6	Pencapaian Hierarki Keperluan Keselamatan Ekonomi	176
4.7	Pencapaian Hierarki Keperluan Keselamatan Emosi	199
4.8	Rumusan Hierarki Keperluan Keselamatan	202
4.9	Pencapaian Hierarki Keperluan Kasih Sayang (Keluarga)	219
4.10	Pencapaian Hierarki Keperluan Kasih Sayang (Sahabat)	233
4.11	Pencapaian Hierarki Keperluan Kasih Sayang (Hubungan Intim)	246
4.12	Pencapaian Hierarki Keperluan Kasih Sayang (Interaksi Sosial)	259
4.13	Rumusan Hierarki Kasih Sayang & Kepunyaan Diri	262
4.14	Pencapaian Hierarki Keperluan Penghargaan Diri Sendiri	279





4.15	Pencapaian Hierarki Keperluan Penghargaan daripada Individu Lain	290
4.16	Rumusan Hierarki Keperluan Penghargaan Kendiri	292
4.17	Pencapaian Hierarki Keperluan Kesempurnaan Kendiri	302
4.18	Rumusan Hierarki Keperluan Kesempurnaan Kendiri	304
4.19	Watak & Pencapaian Hierarki Keperluan Mereka	310
4.20	Pencapaian Hierarki Keperluan mengikut Bilangan Watak	311
4.21	Punca-punca Membendung Masyarakat India untuk Mencapai Hierarki Keperluan yang lebih Tinggi	358
5.1	Punca Membendung Masyarakat India daripada Mencapai Hierarki Keperluan yang lebih Tinggi	380





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Sastera secara umumnya merupakan satu unsur seni yang digubah dalam bentuk tulisan ataupun lisan. Perkembangan sastera sentiasa berkait rapat dengan perkembangan sesebuah tamadun atau budaya manusia. Perbezaan antara sesuatu tamadun kuno dengan tamadun moden boleh dilihat dengan jelas melalui analisis karya sastera yang digubah pada tamadun-tamadun tersebut. Analisis karya sastera biasanya dapat memperlihatkan unsur-unsur kebudayaan yang menyelubungi masyarakat tamadun karya sastera tersebut. Maklumat-maklumat mengenai masyarakat tamadun tersebut juga boleh kita dapat tahu melalui analisis terperinci sesuatu karya sastera. Sastera wujud dalam kehidupan masyarakat dalam dua bentuk, iaitu bentuk lisan dan bentuk tulisan. Kedua-dua bentuk sastera ini tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat dari zaman dahulu.





Karya sastra biasanya dapat dikategorikan kepada dua kategori yang umum, fiksi dan bukan fiksi. Mahupun karya sastra fiksi ataupun bukan fiksi, kedua-dua kategori karya sastra ini mempunyai mesej yang tersirat dalam karya tersebut. Mesej tersebut biasanya diterapkan melalui tindakan atau perwatakan karektor, ataupun jalan cerita karya tersebut. Walaupun karya sastra pada mulanya dianggap sebagai unsur hiburan, tetapi pada masa kini karya sastra lebih berperanan sebagai satu instrumen untuk mendidik masyarakat kini mengenai kehidupan duniawi ini (Anwar, 2010).

Karya sastra dapat dikategorikan kepada tiga kelompok yang utama berdasarkan reka bentuk sastra tersebut, iaitu sajak, drama, dan prosa. Sajak merupakan karya sastra yang memberi fokus kepada nilai estetika dan ritma di samping dengan mesej karya tersebut. Manakala drama merupakan karya sastra yang bergantung kepada dialog dengan persembahan untuk menyampaikan sesuatu mesej dengan kadar impak yang tinggi. Agilan (2002) menyatakan bahawa kategori prosa pula merupakan karya sastra yang menggunakan bahasa yang mudah dan difahami orang ramai untuk menyampaikan sesuatu mesej. Kita boleh mengkategorikan karya-karya prosa dalam kategori yang lebih terperinci, iaitu novel dan cerpen.

Novel merupakan karya sastra prosa yang berbentuk naratif yang panjang. Manakala cerpen merupakan karya sastra prosa yang lebih spesifik kepada sesuatu peristiwa. Perbezaan yang agak ketara di antara novel dan cerpen merupakan saiz kedua-dua karya tersebut. Disebabkan novel merupakan satu karya sastra berbentuk naratif yang panjang, pengarang dapat menerapkan pelbagai isu dan unsur bahasa dalam karya tersebut. Pengarang cerpen pula perlu memilih satu isu yang spesifik dan





pastikan isu tersebut dapat dijelaskan kepada pembaca dalam jumlah perkataan yang agak kurang.

Cerpen merupakan genre sastra yang agak terkenal dalam golongan pembaca. Genre ini boleh dikatakan sebagai satu elemen kesusasteraan yang muncul selepas genre novel dan puisi.

“Cerpen atau sebelumnya dikenali sebagai singkatan daripada perkataan cerita pendek adalah cerita rekaan arat cerita dalam bentuk prosa yang pendek. Kita seharusnya dapat membezakan antara cereka dengan bentuk tulisan yang lain seperti laporan, berita ataupun wawancara. Cereka atau pun cerita rekaan itu sesungguhnya bukanlah kisah yang benar-benar berlaku. Dengan perkataan lain, cereka itu bukanlah serrat peratus fakta. Sebaliknya ia merupakan adunan antara fakta dengan imaginasi yang wujud dalam bentuk atau fikiran pengarangnya”. (Othman Puteh, 1993:57)

Pengarang cerpen menggunakan adunan fakta dan imaginasi untuk menyampaikan fakta yang berlaku di sekeliling masyarakat. Cerpenis menghiaskan cerpen tersebut dengan imaginasi yang sesuai untuk memastikan cerpen tersebut mempunyai tarikan kuat terhadap golongan pembaca. Cerpenis juga menggunakan cerpen mereka sebagai alat untuk menyebarkan unsur-unsur adat, agama, moral dan kritikan masyarakat kepada pembaca.

“Cerpen tergolong ke dalam bentuk kesusasteraan cereka pendek yang merupakan bentuk kesusasteraan yang paling tua. Dalam masyarakat kita, banyak didapati cerita-cerita pendek yang mengisahkan asal-usul sesuatu tempat, binatang, hantu dan





tokoh-tokoh yang terkenal. Di samping itu, terdapat pula pelbagai cerita pendek yang mengandungi pengajaran kepada anak-anak. Cerita-cerita itu disampaikan secara lisan, yakni dituturkan daripada satu keturunan kepada satu keturunan lain”. (Hashim Awang, 1972:47)

Dengan pernyataan ini, jelas bahawa cerita pendek mempunyai sejarah yang lama. Cerita lisan yang disampaikan daripada satu keturunan kepada keturunan yang lain telah melalui beberapa proses perkembangan, dan kini telah mengambil bentuk sebagai cerpen. Selepas kemunculan genre cerpen, genre tersebut mencapai perkembangan yang drastik dalam kalangan masyarakat.

Gelombang genre cerpen yang berkembang dengan pesat telah menarik perhatian golongan sasterawan Tamil pada masa tersebut. Krishnan Maniam (1993) menyatakan bahawa Nathesa Sastry telah memulakan inisiatif memperkenalkan cerpen Tamil di Tamil Nadu dengan menerbitkan sebuah antologi yang bertajuk “*Tanavan Endra Polis Nipunan Kantu Pittita Arputak Kutrankal*”. Walaubagaimanapun usaha ini merupakan satu percubaan awal sahaja. Ramai pengarang telah melangkah ke arena penulisan cerpen, tetapi usaha mereka kurang lengkap dan dianggap sebagai satu percubaan sahaja. Subramaniam, S.V (2004) berpendapat bahawa hal ini disebabkan percubaan-percubaan tersebut tiada unsur-unsur cerpen.

Cerpenis V.V.S.Aiyer dianggap sebagai pelopor cerpen Tamil. Karya beliau yang berjudul “*Kulatangkarai Arasamaram*” (1917) dan “*Mangakarasiyin Kaatal*” (1927) memulakan sejarah perkembangan cerpen Tamil. Karuppaswamy, R. (1998) menyatakan bahawa V.V.S.Aiyer juga dinobatkan sebagai “Bapa Cerpen Tamil



Moden”. Cerpen-cerpen karya sasterawan tersebut menjadi satu standard kepada masyarakat Tamil untuk menceburi genre cerpen secara meluas.

Di Malaysia pula, genre cerpen Tamil mula berkembang apabila kaum Tamil berhijrah dari India Selatan ke Tanah Melayu. Thilagam Palanisamy (2019) berpendapat bahawa kehidupan mereka yang serba kekurangan di bawah pemerintahan British di Tanah Melayu memberi dorongan kepada mereka untuk mencari ketenangan melalui penulisan cerpen.

Penyelidikan dalam bidang kesusasteraan Tamil biasanya dilaksanakan berdasarkan aspek struktur seperti tema, persoalan, plot, watak, perwatakan, latar dan sudut pandangan penulis dengan menggunakan teori-teori yang sesuai. Kajian ini mengambil inisiatif untuk mengaplikasikan pendekatan psikologi dalam analisis karya kesusasteraan Tamil. Kajian ‘Analisis Hierarki Keperluan Masyarakat India Malaysia Berdasarkan Watak Utama dalam Kumpulan Cerpen *Ethirvinaikal* karya Ko.Punniavan merupakan kajian mengenai analisis dan penelitian isu keperluan dalam kalangan masyarakat India dalam negara kita berdasarkan pendekatan psikologi, iaitu Model Hierarki Keperluan Maslow. Sejurus itu, pengkaji akan melaksanakan perbincangan ke atas latar belakang, permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan dan batasan kajian serta definisi istilah yang berkaitan dengan kajian ini.



1.2 Latar Belakang Kajian

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), istilah keperluan didefinisikan sebagai kemestian, keperluan dan kehendak. Bahasa Inggeris pula merujuk konsep keperluan sebagai *needs*. Collins Online English Dictionary (Needs, 2019) dan Merriam-Webster Online English Dictionary (Needs, 2019) memberi maksud kepada konsep *needs* sebagai *necessity* dan *requirement*.

Konsep ‘kemahuan’ berbeza daripada konsep ‘kehendak’. Konsep ‘kemahuan’ merujuk kepada sesuatu yang kita gemari tetapi tidak mustahak untuk menjamin keterusan kehidupan seorang individu. Merujuk kepada pandangan Palmisano, J. (2001) seorang individu akan tetap meninggal dunia tanpa makanan, tetapi individu tersebut tidak akan meninggal dunia jikalau tidak dapat membeli kereta idaman. Di sini pengkaji dapat melihat kereta dikategorikan sebagai kemahuan manakala makanan dikategorikan sebagai keperluan. Pengkaji menelaah kajian ini secara mendalam berteraskan pemahaman yang jernih mengenai konsep keperluan.

Konsep keperluan dianggap sebagai kehendak utama manusia untuk mengamalkan kehidupan asas secara amnya. Menurut Surbhi, S. (2017), konsep keperluan ini merangkumi kehendak personal, psikologi, kebudayaan, sosial dan sebagainya untuk manusia menjalani kehidupan yang sihat. Keperluan manusia pada zaman dahulu hanyalah tertakluk kepada makanan, air, pakaian dan tempat tinggal. Keempat-empat keperluan ini merupakan keperluan asas untuk seseorang individu menjalani kehidupan yang sejahtera. Peredaran zaman menyebabkan aspek-aspek seperti taraf pendidikan dan penjagaan kesihatan menjadi elemen penting dalam





meningkatkan taraf hidup seseorang individu. Surbhi, S. (2017) menyatakan bahawa komponen-komponen ini menjadi keperluan asas untuk manusia menikmati kehidupan yang sihat dan sejahtera.

Menurut Palmisano, J. (2001) dari pandangan sosiologi, keperluan juga membawa maksud sebagai sesuatu benda yang dianggap mustahak untuk membantu seseorang individu berfungsi dengan baik atau menjaga dirinya. Sebagai contoh, makanan dapat memberi seseorang individu khasiat yang diperlukan untuk memastikan kelangsungan kehidupan individu tersebut. Sekiranya individu tersebut gagal untuk mendapatkan khasiat yang diperlukan, individu tersebut tidak akan dapat meneruskan kehidupannya dengan sihat. Dengan ini, kita dapat faham bahawa makanan menjadi kehendak utama untuk manusia menjamin kesihatan dan kesejahteraan hidup mereka.



Segelintir ahli sosiologi mempunyai pendapat bahawa keperluan asas manusia bukan hanya terhad kepada kehendak yang merangkumi fisiologi. Konsep keperluan boleh membawa maksud apa jua isu yang mustahak untuk seseorang individu untuk melaksanakan kehidupan yang sihat. Menurut Surbhi, S. (2017) istilah keperluan diperluas kepada semua inisiatif yang melengkapkan kehendak individual, psikologi, budaya dan sosial untuk menjamin kelangsungan kehidupan seseorang individu.

Seperti mana kita lihat tadi, konsep kelangsungan kehidupan atau *survive* mempunyai kefahaman yang telah dikemas kini mengikut pergerakan masa dan masyarakat. Mengikut kehidupan masyarakat dahulu kala, konsep keperluan asas mereka merangkumi komponen makanan, pakaian, air dan tempat tinggal. Kehidupan





manusia bertambah kompleks dan meningkat ketamandunannya mengikut peredaran masa. Perubahan ini mengakibatkan kehendak umat manusia menjadi luas dan lebih kompleks untuk memenuhi keperluan hidup bersosial. Menurut Scott, J. & Gordon, M. (2005), perubahan ini mengakibatkan ahli sosiologi sukar untuk menganalisis tahap kehendak yang mampu memastikan kesejahteraan dan kelangsungan hidup seseorang manusia dalam era ini. Perbincangan mengenai hierarki keperluan manusia berterusan hingga era ini.

Maslow, A. H. (1968) memberi pendapat bahawa keperluan manusia merupakan kehendak yang ada pada manusia secara semulajadi, iaitu diwarisi secara biologi serta mempunyai pengaruh kukuh terhadap individu. Maslow juga menyatakan bahawa keperluan manusia boleh dikategorikan kepada keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang dan kepunyaan diri, penghargaan sendiri dan kesempurnaan sendiri yang wujud secara tahap mengikut keutamaannya. Menurut Plotnik, R. & Kouyoumdjian, H. (2011), hierarki yang bermula dengan keperluan fisiologi hingga keperluan kesempurnaan sendiri memainkan peranan dalam pencapaian dan perkembangan setiap manusia dalam golongan sosial dia.

Berdasarkan kenyataan Scott, J. & Gordon, M. (2005), istilah psikologi membawa maksud kajian mengenai jiwa. (*study of mind*). Dua perkataan dalam bahasa Yunani, iaitu *psych* dan *logo* merupakan asal kepada istilah *psychology* (psikologi). *Psych* membawa maksud jiwa, manakala *logo* pula membawa maksud kajian. Pada zaman ini kita dapat melihat skop bidang psikologi bukan sahaja merangkumi kajian tentang jiwa, malah ia juga merangkumi kajian tingkah laku dan proses minda manusia. Plotnik, R. & Kouyoumdjian, H. (2011) mengertikan istilah





psikologi sebagai suatu kajian sistematik dan saintifik untuk menganalisis tingkah laku dan proses minda manusia.

Menurut Nurhamizah (2015), objektif utama kajian psikologi adalah untuk mendapatkan kefahaman tingkah laku termasuk proses minda manusia. Nurhamizah juga menyatakan bahawa kajian psikologi mampu menjelaskan tingkah laku individu, membantu meramalkan tingkah laku individu, membendung tingkah laku individu serta melakar dan mempengaruhi tingkah laku individu. Istilah tingkah laku merujuk terhadap perbuatan fizikal seseorang manusia kepada diri sendirinya, masyarakat dan persekitaran fizikal di sekeliling individu tersebut. Perbuatan ini dapat dilihat dengan mata kasar orang lain. Manakala petikan daripada Behaviour and Mental Processes (2014) menyatakan bahawa proses minda ialah tindakan dalaman minda seseorang individu merangkumi pemikiran, motif dan emosi yang hanya mampu disedar dengan aktiviti seperti pembayangan, mimpi, perasaan rindu dan pembacaan senyap.

Konsep keperluan yang berpandukan kehidupan manusia juga dapat dijumpai dalam karya kesusasteraan. Seperti karya-karya kesusasteraan yang lain, karya cerpen Tamil Malaysia dapat melakarkan tahap pemikiran dan emosi sesebuah masyarakat. Menurut Anwar (2010) karektor watak-watak secara tidak langsung mencerminkan keadaan dan pemikiran sosial yang dialami dan berada di minda seorang penulis. Penulis memainkan peranan sebagai seorang pencatat yang mempunyai pemerhatian teliti apabila penulis menggambarkan idea dan emosi masyarakat menggunakan watak-watak tertentu dalam karya mereka.





Menurut Hamdani (1988), tanggungjawab meneliti dan menganalisis sesuatu karya sastra ialah pentaksiran terhadap kualiti ciptaan sesebuah karya itu sendiri. Karya sastra yang mencerminkan gambaran kehidupan watak-watak dapat dianalisis dengan menggunakan teori psikologi. Bidang psikologi membantu kajian sastra untuk menganalisis aktiviti dan pemikiran watak-watak yang telah dibentuk oleh penulis dengan menggunakan teori-teori psikologi yang sesuai. Teori psikologi seperti teori hierarki keperluan manusia membantu pengkaji untuk menganalisis tingkah laku dan pemikiran watak-watak serta memahami dan menghayati watak-watak tersebut. Model psikologi ini mampu membantu kita mentaksir motivasi dan tahap keperluan masyarakat yang digambarkan dalam cerpen-cerpen yang dikaji.

Walaupun bidang psikologi dan bidang sastra pada asalnya merupakan dua bidang ilmu yang amat berbeza, kedua-dua bidang ilmu ini saling melengkapi sesama sendiri apabila diguna pakai dengan betul. Kedua-dua bidang ini berperanan untuk menggambarkan aspek tingkah laku dan proses pemikiran yang membentuk kehidupan seseorang individu atau pun masyarakat. Golongan pengarang mengambil inisiatif untuk mencerminkan isu-isu sosial melalui karya sastra seperti cerpen untuk kesedaran masyarakat. Bidang psikologi pula memainkan peranan dalam menganalisis isu-isu tersebut, memberikan kefahaman terhadap isu tersebut serta membantu mencari pendekatan-pendekatan tertentu untuk menyelesaikan isu tersebut.

1.3 Permasalahan Kajian

Golongan pengkaji dalam bidang kesusasteraan lebih memberi keutamaan dan perhatian kepada aspek sosioekonomi berbanding dengan aspek keperluan. Aspek





keperluan atau needs merupakan faktor utama kepada isu sosioekonomi masyarakat. Perkara ini tidak disedari oleh kebanyakan golongan pengkaji. Manusia mendefinisikan keperluan sebagai kemestian yang wajib diperlukan untuk melaksanakan kelangsungan hidup setiap individu. Palmisano (2001) menyatakan bahawa keperluan merupakan prasyarat yang memastikan sistem sosial dan kelangsungan kehidupan sesuatu masyarakat. Keperluan yang tidak dapat dipenuhi akan menjadi impak kepada diri seseorang individu, serta menyebabkan gangguan perlakuan dan pemikiran seseorang individu. (Rod Platonik & Haig Kouyoumdjian, 2011)

Jeevan Morgan (2021) dalam kajian beliau telah menyatakan bahawa inisiatif Malaysia bergerak ke status negara yang maju telah mewujudkan daya saing yang tinggi dalam kalangan masyarakat Malaysia dari aspek status sosioekonomi dan peluang pekerjaan. Kekurangan daya saing menjadi faktor utama generasi muda masa kini melibatkan diri dalam anasir negatif seperti gengsterisme. Kajian Jeevan Morgan (2021) menunjukkan bahawa kegagalan institusi kekeluargaan memainkan peranan penting dalam penularan gejala gengsterisme dalam kalangan belia India. Kekurangan perhatian dan kasih sayang daripada keluarga mendorong generasi muda India untuk melibatkan diri secara aktif dalam gejala gengsterisme.

Muralee Raman (2018) berpendapat bahawa masyarakat India telah menghadapi pelbagai cabaran, halangan dan rintangan dalam kehidupan seharian mereka selepas mereka berhijrah dari India. Beliau juga menyatakan bahawa masyarakat India di Malaysia masih menghadapi kemelut sosial yang serius pada abad ke-21. Masalah-masalah sosial seperti soal percintaan, kemiskinan, masalah ibu tunggal,





halangan dalam melanjutkan pendidikan, kepincangan dalam institusi kekeluargaan masih lagi membelenggu kehidupan seharian masyarakat India di Malaysia. (Muralee Raman, 2018). Masalah-masalah sosial yang diutarakan dalam kajian Muralee Raman (2018) mempunyai hubungan rapat dengan ketidakupayaan masyarakat India untuk memenuhi hierarki keperluan yang lebih tinggi dalam model hierarki keperluan Maslow.

Kajian bertajuk Hubungan Sosioekonomi Keluarga dan Pengaruh Rakan Sebaya terhadap Gejala Gengsterisme Murid India telah dilaksanakan oleh Sreetharan Marimuthu pada tahun 2021. Kajian ini mengutarakan faktor-faktor yang mendorong masyarakat muda India terlibat dalam gejala gengsterisme. Sreetharan Marimuthu (2021) telah melaksanakan kajian tinjauan terhadap 234 orang murid India dari sekolah menengah terpilih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dapatan kajian ini menunjukkan faktor-faktor tahap sosioekonomi keluarga, persekitaran sosial tempat tinggal, pendapatan seisi keluarga, sikap pendidikan ibu bapa dan institusi kekeluargaan memainkan peranan penting dalam isu penularan gejala gengsterisme dalam kalangan murid India. Analisis kajian ini menunjukkan bahawa taraf sosioekonomi keluarga yang rendah dan pengaruh negatif dari institusi kekeluargaan serta rakan sebaya menjadi pendorong utama kepada generasi muda masyarakat India terjerumus dalam gejala gengsterisme.

Ghandi Mathi Dharmalingam & Dr. Sivaperagasam Rajanthiran (2019) dalam kajian mereka menyatakan bahawa ada laporan daripada PDRM yang menjangkakan seramai 28296 ahli kongsi gelap terdiri daripada golongan belia India. Laporan SWO (2019, dirujuk daripada Dharmalingam, G., M., S., & Rajanthiran, R., S., P. 2019, ms.





293) juga telah menyokong pernyataan mereka dengan menunjukkan data bahawa kaum India merangkumi 72% daripada keseluruhan ahli kongsi gelap di negara kita. Kajian mereka juga menyatakan bahawa kaum India menduduki tempat pertama dalam kategori mangsa membunuh diri dalam negara kita. Dalam kajian mereka, mereka mendapati bahawa faktor putus cinta, kemelut kewangan, masalah dalam keluarga, kegagalan dalam peperiksaan dan pengaruh filem Tamil mendorong etnik India untuk membuat demikian.

Hariz Mohd (2017) telah melaporkan satu insiden di mana 52 pemuda India yang terdiri daripada 42 murid sekolah menengah, sembilan pemuda tercicir sekolah dan seorang pemuda kolej telah disabitkan kesalahan di mahkamah majistret kerana telah melibatkan diri dalam demonstrasi yang mengganggu keamanan masyarakat di depan empat sekolah. Kumpulan ini dikatakan telah mengganggu ketenteraman warga sekolah-sekolah tersebut dengan membuat sambutan dan memotong kek yang berbentuk digit '24'. Pihak polis telah mensyaki bahawa kumpulan tersebut mempunyai kaitan dengan kumpulan kongsi gelap yang dikenali dengan digit '24'. Laporan ini menunjukkan golongan muda India yang lebih tertarik kepada budaya geng semenjak zaman persekolahan lagi. Dalam kajian yang telah dilaksanakan oleh Shankar Durairaja, Geshina Ayu Mat Saat & Mohammad Rahim Kamaluddin pada tahun 2019, mereka telah menyenaraikan empat faktor sosiologi yang mendorong golongan muda India untuk melibatkan diri dalam budaya geng. Melalui kajian tersebut, kita dapat tahu bahawa kekurangan perhatian ibubapa, anggota keluarga mereka yang sudah lama menjadi ahli geng, budaya geng dalam masyarakat setempat mereka dan masalah kewangan merupakan faktor sosiologi yang mendorong golongan muda India untuk melibatkan diri dalam budaya geng.





Data Jabatan Perangkaan Malaysia (2021) tentang perkahwinan dan perceraian dalam kalangan masyarakat bukan beragama Islam di negara kita agak merunsingkan hati. Angka perkahwinan dalam kalangan masyarakat bukan beragama Islam di negara kita kian menurun berdasarkan data yang diberi Jabatan Perangkaan Negara (2021). Berdasarkan statistik yang diberi, perkahwinan dalam kalangan masyarakat bukan beragama Islam menurun 4.7 peratus dari 40854 kepada 38941 pada tahun 2021. Pada masa yang sama, kadar perceraian meningkat 30.4 peratus, dari 9419 kepada 12284 pada tahun 2021. Kasih sayang dan kepunyaan diri merupakan aspek keperluan individu yang sangat berkait rapat dengan isu-isu sosial seperti perkahwinan dan perceraian. Golongan yang terlibat dengan isu-isu sosial sebegini bergelut dengan aspek-aspek keperluan psikologi seperti kasih sayang dan kepunyaan diri berpotensi untuk mengamalkan perlakuan dan proses minda yang berciri negatif (Nor Nazimi Mohd Mustaffa, Jaffary Awang & Aminudin Basir, 2017).

Isu-isu sosial seperti kemerosotan institusi kekeluargaan, kemelut rumah tangga serta masalah jenayah masih menghantui generasi muda masyarakat India. Kajian-kajian di atas menunjukkan bahawa kekurangan dari aspek keperluan menjadi salah satu faktor utama untuk masyarakat India cenderung melibatkan diri dalam gejala sosial. Semasa pengkaji melaksanakan bacaan awal untuk menentukan tajuk kajian, pengkaji dapat menjumpai pelbagai kajian sosiologi untuk menganalisis isu-isu sosial masyarakat India. Untuk mengambil pendekatan yang berbeza untuk menganalisis isu-isu sosial yang dialami masyarakat India, pengkaji mengambil keputusan untuk menggunakan pakai pendekatan psikologi, khususnya Model Hierarki Keperluan Maslow. Dengan menggunakan teori ini, pengkaji berharap untuk mencari





serta mengkaji pencapaian hierarki keperluan dalam kalangan masyarakat India dan seterusnya meneliti punca-punca membendung masyarakat India untuk mencapai hierarki keperluan yang lebih tinggi.

1.4 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti hierarki keperluan masyarakat India di Malaysia dalam kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*' berpandukan Model Hierarki Keperluan Maslow.
2. Menganalisis tahap pencapaian keperluan masyarakat India di Malaysia dalam kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*' berpandukan Model Hierarki Keperluan Maslow.
3. Menyenaraikan punca-punca yang membendung masyarakat India di Malaysia dalam kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*' daripada mencapai hierarki keperluan yang tinggi.



1.5 Soalan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada tiga soalan kajian yang berikut:

1. Apakah hierarki keperluan masyarakat India di Malaysia dalam kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*' berpandukan Model Hierarki Keperluan Maslow?
2. Sejauh manakah tahap pencapaian keperluan masyarakat India di Malaysia dalam kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*' berpandukan Model Hierarki Keperluan Maslow?



3. Apakah punca-punca yang membendung masyarakat India di Malaysia dalam kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*' daripada mencapai hierarki keperluan yang tinggi?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini menelaah dan menyelidik konsep keperluan masyarakat India di negara kita yang digambarkan melalui kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*' dengan mengguna pakai Model Hierarki Keperluan Maslow. Pengkaji menggunakan pendekatan yang berbeza untuk melaksanakan kajian sastera kerana biasanya kajian mengenai genre sastera menggunakan pendekatan sosiologi.

Kajian ini juga berpotensi untuk memberikan kesedaran, kefahaman dan penghayatan golongan pengarang untuk memberi penekanan kepada elemen keperluan dalam karya-karya kesusasteraan Tamil mereka. Golongan pengarang mampu meningkatkan kesedaran dalam kalangan golongan pembaca dengan memberi tumpuan kepada masalah sosial masyarakat dan bagaimana isu tersebut berkait rapat dengan hierarki keperluan masyarakat.

Memandangkan kajian ini menggunakan pendekatan psikologi Maslow, dapatan kajian ini mampu digunakan untuk membantu individu mendapat kefahaman mendalam mengenai hierarki keperluan Maslow. Kefahaman tersebut mampu membantu seseorang individu untuk mencapai kemajuan diri, khususnya dalam aspek perkembangan peribadi dan kerjaya. Seseorang individu boleh berusaha mencapai



keperluan yang diinginkan demi menghayati kehidupan yang sihat dan sejahtera dengan adanya kefahaman mengenai hierarki keperluan Maslow. Pengkaji mempunyai keyakinan bahawa hasil kajian ini mampu menjadi rujukan kepada kalangan pembaca untuk mendapat kesedaran mengenai keutamaan hierarki keperluan dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Dapatan kajian ini juga boleh digunakan untuk memahami punca-punca yang membendung kemajuan masyarakat India di negara kita. Golongan pembaca mampu memahami faktor-faktor yang membendung progres masyarakat India daripada mencapai tahap keperluan yang memastikan kesejahteraan hidup mereka. Kajian ini membincangkan tahap-tahap keperluan masyarakat India dan halangan yang dialami masyarakat untuk memastikan keperluan tersebut dicapai. Pengkaji berpendapat bahawa hasil kajian ini berpotensi untuk membentuk kesedaran mengenai kekangan-kekangan yang dialami masyarakat India dalam kalangan pembaca.

Kajian ini juga menjadi inisiatif untuk meningkatkan kajian cerpen Tamil Malaysia dari perspektif teori psikologi. Kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan untuk golongan pengkaji yang ingin melaksanakan kajian sastera Tamil dari perspektif teori psikologi. Dengan ini, pengkaji berpendapat lebih banyak kajian sastera berasaskan pendekatan psikologi mampu dilaksanakan oleh golongan pengkaji. Kesimpulannya, kajian ini mampu membuka ruang kepada lebih banyak kajian cerpen-cerpen Tamil berpandukan teori dan pendekatan psikologi.





1.7 Batasan Kajian

Pengkaji memberi tumpuan dan perhatian kepada tiga fokus kajian ini, iaitu mengenal pasti tahap keperluan masyarakat India di negara kita, menyelidik tahap pencapaian keperluan masyarakat India dan menjelaskan halangan masyarakat India di negara kita untuk mencapai hierarki keperluan yang tinggi.

Pengkaji melaksanakan kajian ini dalam bentuk kualitatif dan memberi tumpuan kepada kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*'. Pengkaji memilih untuk melaksanakan kajian terhadap kumpulan cerpen ini kerana kumpulan cerpen ini mempunyai koleksi cerpen yang dihasilkan pada tahun 2010an. Cerpen-cerpen ini mengandungi latar terkini dan menggambarkan situasi terkini yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia. Pengkaji faham kepentingan tempoh masa cerpen yang dipilih untuk memastikan persoalan dan keperluan yang dibincangkan tidak kuno.

Pengkaji juga telah memilih kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*' karya Ko.Punniavan kerana Ko.Punniavan merupakan seorang penulis yang tersohor dalam bidang penulisan sastera moden Tamil Malaysia. Untuk memastikan pengkaji dapat gambaran yang tepat mengenai isu keperluan yang dihadapi oleh masyarakat India di negara kita, pengkaji perlu menggunakan bahan kajian yang dihasilkan oleh penulis yang berpengalaman luas. Saravanan Perumal (2020) dalam kajian beliau telah menyatakan bahawa Ko.Punniavan merupakan seorang penulis yang berpengalaman dan pakar dalam menggambarkan persoalan-persoalan yang timbul dalam kalangan masyarakat zaman kini.



**Jadual 1.1***Senarai cerpen yang dikaji.*

Bil.	Tajuk cerpen	Halaman
1.	<i>Ethirvinaikal</i>	27 - 36
2.	<i>Nulampadai</i>	37 - 45
3.	<i>Kathavukal thazhidapattirukinrana</i>	46 - 55
4.	<i>Sudarai suttri kananrukondirukkum neruppum sila vittil puccukalum</i>	56 - 66
5.	<i>Aimbatu rupai artaikulikkana thunai nadikai</i>	67 - 74
6.	<i>Kadaisi santhippukku pirakana ninaivukkuripukal</i>	75 - 85
7.	<i>Nirukkulirunthe nazhuvum minkal</i>	86 - 96
8.	<i>Kalakakkaran</i>	97 - 105
9.	<i>Thuravu</i>	106 - 114
10.	<i>Nitharsanankal</i>	115 - 123
11.	<i>Sarukukal</i>	124 - 134
12.	<i>Iranthavanai patriya vakkumulam</i>	135 - 142
13.	<i>Nikarartravan</i>	143 - 153
14.	<i>Pulavar Ventharkonin varalatriliruntu pirikka iyalatha sila pakkankal.</i>	154 - 165
15.	<i>Pulavar Ventharkonin varalatriliruntu pirikka mudiyatha melum sila pakkankal kathai 2</i>	166 - 175
16.	<i>Sami kanna kuttiduccu</i>	176 - 186
17.	<i>Aayakkotta</i>	187 - 195





Dari aspek pendekatan kajian pula, pengkaji telah memilih untuk menggunakan pendekatan psikologi, iaitu Model Keperluan Hierarki Maslow. Model Hierarki Keperluan Maslow merangkumi lima peringkat atau hierarki keperluan seperti fisiologi, keselamatan, kasih sayang dan kepunyaan diri, penghargaan sendiri dan kesempurnaan sendiri. Lima peringkat ini akan digunakan oleh pengkaji untuk mengkaji elemen keperluan dan gambarannya dalam koleksi cerpen dipilih.

Keperluan fisiologi berada di tahap terbawah sekali dalam pendekatan Model Hierarki Keperluan Maslow. Keperluan asas seperti makanan dan minuman, pakaian, tempat tinggal diberi tumpuan dalam peringkat ini kerana elemen-elemen tersebut merupakan keperluan yang utama untuk memastikan kelangsungan hidup seseorang individu atau Keselamatan pula menduduki tempat kedua dari bawah kerana aspek keselamatan memberi jaminan kepada seseorang individu dari segi keselamatan diri, emosi dan ekonomi dan sejurusnya membantu individu tersebut menikmati kehidupan yang selamat dan sejahtera. Kasih sayang dan kepunyaan diri menduduki tempat ketiga dari bawah dalam Model Hierarki Keperluan Maslow. Keperluan ini dianalisis dari aspek kekukuhan institusi keluarga, kasih sayang daripada sahabat handai dan interaksi dalam masyarakat setempat. Keperluan ini, sekiranya dicapai, memberi peluang kepada seseorang individu untuk mempraktikkan hubungan interpersonal yang baik. Di peringkat keempat pula, kita dapat melihat keperluan penghargaan sendiri seseorang individu. Dalam peringkat ini, pengkaji menganalisis keperluan menghargai diri dan memberi penghargaan kepada orang lain, serta impak keperluan penghargaan diri terhadap perasaan dihormati dalam seseorang individu.



Merujuk kepada Model Hierarki Keperluan Maslow, kesempurnaan sendiri menduduki tempat yang tertinggi dalam tahap keperluan seseorang individu. Maslow berpendapat bahawa kesempurnaan sendiri dapat mewujudkan perkembangan sifat-sifat yang diidami dalam seseorang individu dan merangsang seseorang individu untuk mencapai potensi dirinya (Dennis Coon & John O. Mitterer, 2012). Maslow juga menyatakan bahawa tret personaliti seperti sifat kreatif, minat dalam semua bidang, tindakan spontan dan semulajadi, kefahaman terhadap kelemahan diri, hubungan interpersonal yang intim, sifat berperikemanusiaan, kefahaman terhadap kesepian, tindakan demokratik dan adil, bijak menghadapi tekanan sosial, berdikari, keinginan untuk privasi, pertimbangan yang wajar, serta penerimaan masalah sebagai cabaran wujud pada individu yang telah berkembang kepada peringkat kesempurnaan diri dalam Model Hierarki Keperluan Maslow (Dennis Coon & John O. Mitterer,

1.8 Sumber kajian

Cerpen-cerpen karya Ko.Punniavan dalam kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*' merupakan sumber kajian utama dalam kajian ini. Sebanyak 17 cerpen telah dihasilkan oleh pengarang Ko. Punniavan dalam kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*'. Kumpulan cerpen ini diterbitkan pada tahun 2011. Kajian watak-watak dalam kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*' sesuai kerana isu-isu dalam koleksi cerpen ini masih segar dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Sumber primer untuk kajian ini ialah kumpulan cerpen '*Ethirvinaikal*' karya Ko. Punniavan. Manakala, buku kritikan sastera, buku-buku ilmiah, jurnal, artikel-artikel, majalah-majalah pula digunakan

sebagai sumber sekunder untuk melaksanakan kajian ini dengan terperinci. Sumber sekunder digunakan sebagai bahan rujukan untuk membantu penyelidik mencari kesimpulan.

1.9 Definisi Konsep dan Operasional

Sebelum membaca kajian ini, para pembaca perlulah memahami beberapa istilah atau perkataan. Pengkaji telah mengambil inisiatif untuk menyenaraikan definisi konsep untuk memahami istilah-istilah tersebut dalam konteks kajian ini. Konsep atau istilah yang dijelaskan dalam subtopik untuk tatapan pembaca adalah keperluan, hierarki, masyarakat, dan cerpen.

1.9.1 Keperluan

Keperluan boleh didefinisikan sebagai naluri yang ada pada diri seseorang individu semenjak masa dia dilahirkan. Dorongan untuk memenuhi keperluan ini wujud pada diri seseorang individu secara semula jadi dan dorongan ini bersifat biologi. Maslow (1970) berpendapat bahawa keperluan atau kemestian ini memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi perlakuan manusia. Umat manusia dikatakan memutuskan tujuan dan mencorak tingkah laku yang membolehkan mereka mencapai sesuatu keperluan yang mereka ingin capai. Menurut Maslow (1970), keperluan fisiologi merupakan kehendak utama yang perlu setiap individu penuhi untuk memastikan kelangsungan hidup, dan keperluan kesempurnaan sendiri adalah satu



desakan untuk membantu membina individu yang mulia dan unggul. Maslow menyatakan bahawa keperluan manusia mampu dikategorikan kepada lima peringkat yang berbeza. Peringkat pertama merupakan keperluan fisiologi, dan diikuti dengan keselamatan pada peringkat seterusnya. Peringkat ketiga pula merujuk kepada keperluan kasih sayang dan kepunyaan diri dan penghargaan sendiri berada pada peringkat keempat. Peringkat kelima dan teratas merujuk kepada kesempurnaan sendiri. (Kenneth Carter & Colleen M. Seifert, 2013) Maslow berpendapat bahawa setiap keperluan manusia boleh diletakkan dalam peringkat berpandukan kepada keutamaan keperluan tersebut. Dalam hierarki keperluan yang dinyatakan Maslow, kita dapat melihat keperluan fisiologi berada pada aras terbawah, manakala kesempurnaan sendiri berada pada aras yang tertinggi. Berpandukan kepada model Hierarki Keperluan Maslow, Maslow (1968: 21-60) menyatakan bahawa keutamaan perlu diberikan kepada keperluan-keperluan yang berada di tahap terbawah sebelum seseorang individu mencuba untuk menggapai keperluan yang berada di peringkat atas. Maslow (1968) juga menyatakan bahawa keperluan yang terletak pada peringkat tinggi akan muncul hanya selepas keperluan-keperluan yang berada di peringkat bawah, iaitu keperluan fisiologi dan keperluan keselamatan dipenuhi.

1.9.2 Hierarki

Perkataan *hierarchia* dalam bahasa Yunani merupakan asal kepada perkataan *hierarchy* (hierarki) yang wujud dalam bahasa Inggeris. Perkataan *hierarchia* membawa maksud ketua upacara suci dalam bahasa Yunani. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) pula menyatakan bahawa perkataan hierarki mampu didefinisikan





sebagai kedudukan atau susunan yang tinggi rendah dalam organisasi, masyarakat dan sebagainya.

Definisi istilah hierarki bukan sahaja merujuk kepada susunan kuasa pada zaman moden ini, malahan istilah hierarki diguna pakai secara meluas untuk merujuk kepada susunan perkara. Istilah hierarki boleh digunakan untuk merujuk kepada susunan perkara seperti objek, nilai, nama dan sebagainya mengikut urutan keutamaan (Dennis Coon & John O. Mitterer, 2012). Longman Dictionary (2019) pula menyatakan bahawa istilah hierarki memberikan maksud sistem organisasi, orang atau benda, dikategorikan mengikut peringkat kepentingan. Pengkaji menggunakan istilah hierarki dalam kajian ini dengan konteks susun atur konsep keperluan.



Bentuk piramid merupakan bentuk visual umum yang digunakan untuk menggambarkan istilah hierarki. Ketinggian peringkat dalam bentuk piramid merujuk kepada tahap kepentingan item, manakala kelebaran peringkat merujuk kepada bilangan item pada peringkat tersebut. Istilah hierarki dalam kajian ini merujuk kepada susun atur keperluan individu dari peringkat bawah ke peringkat tertinggi berdasarkan pendekatan Maslow. Terdapat lima peringkat keperluan seseorang individu, bermula dari keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang dan kepunyaan diri, penghargaan sendiri dan kesempurnaan sendiri, berdasarkan pendapat Maslow (1970). Kelima-lima peringkat keperluan dicerminkan dalam bentuk visual dengan menggunakan bentuk piramid untuk lebih menjelaskan pendekatan psikologi ini.



1.9.3 Masyarakat India

Masyarakat didefinisikan sebagai satu kumpulan manusia yang menjalankan kehidupan bersama di satu kawasan dengan adat-adat dan norma-norma tertentu dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Manakala, masyarakat diertikan sebagai satu kumpulan luas manusia yang mempunyai tradisi dan norma yang sama, serta minat dan aktiviti kumpulan yang sama dalam Merriam-Webster Online Dictionary (2019). Collins Online English Dictionary (2019) pula menyatakan masyarakat merupakan satu kumpulan manusia yang mempunyai sifat-sifat dan nilai-nilai tertentu.

Sinnathamby (2000) menyatakan bahawa perolehan Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura telah membuka ruang untuk masyarakat India berhijrah ke Tanah Melayu. Masyarakat India yang datang ke Tanah Melayu melibatkan diri dalam bidang pembinaan, pertanian, perdagangan dan pertahanan. Ramasamy (1999) pula berpendapat bahawa bilangan masyarakat India yang berhijrah ke Tanah Melayu telah meningkat selepas pihak British meluaskan kuasa mereka ke negeri-negeri Melayu di kawasan pantai barat. Masyarakat India di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan kebanyakannya terdiri daripada orang dewasa lelaki yang telah meninggalkan keluarga mereka untuk mencari sumber pendapatan. Karthees Ponniah (2017) telah menyatakan bahawa warga India Selatan merupakan majoriti daripada masyarakat India yang hidup di Malaysia, khususnya kaum Tamil. Situasi ini mendorong kepada perkembangan bahasa Tamil di Malaysia. Pernyataan-pernyataan daripada tokoh ilmuwan di atas mampu mengaitkan watak-watak yang dipaparkan dalam koleksi cerpen *Ethirvinaikal* dengan masyarakat

India yang menghuni di Malaysia kerana kesemua watak yang diwujudkan oleh pengarang dalam koleksi cerpen ini memiliki ciri-ciri kebudayaan dan sosial yang sama. Watak-watak yang pengarang bina dalam cerpen-cerpen yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang sama dari segi aspek sosial dan kebudayaan seperti bahasa, kepercayaan dan agama, pakaian, institusi kekeluargaan dan amalan hidup.

1.9.4 Cerpen

Cerpen atau pun cerita pendek merupakan satu bentuk seni, perasaan yang mempunyai kelainan daripada genre-genre sastera yang lain. Menurut Mana Sikana, cerpen yang baik perlu mengandungi unsur-unsur sastera.

Dalam bidang sastera Tamil, cerpen bukanlah sesuatu yang baharu, malah genre sastera ini merupakan hasil perkembangan daripada tradisi cerita dalam genre puisi tradisional Tamil. Kita dapat melihat cebisan aspek cerpen dalam puisi tradisional Tamil yang ditulis pada zaman *Sanggam*.

Sekiranya kita melihat aspek tema, cerpen kebiasaannya ditulis berpandukan satu tema utama. Perkembangan jalan cerita merupakan penyumbang kepada kejayaan cerpen. Demi menarik minat pembaca untuk selesai membaca cerpen tersebut, jalan cerita cerpen haruslah mempunyai daya tarikan yang kuat dalam semua aspek. Menurut Pichaimuthu (1998), karya yang terunggul merupakan karya yang mempunyai persembahan seni yang sempurna dari segala aspek dan juga menarik minat orang ramai.



Agilan (2002) berpendapat bahawa cerpen perlulah membincangkan satu peristiwa, satu masalah kehidupan atau melakarkan kejadian seseorang watak. Cerpen juga merupakan satu alat untuk penulis menyampaikan sesuatu mesej yang spesifik kepada sasaran kumpulan yang tertentu. Secara lazimnya cerpen mempunyai kuantiti watak yang agak terhad dalam jalan ceritanya. Watak, latar dan plot yang terbatas juga merupakan ciri-ciri genre cerpen. Apabila menulis cerpen, pengarang hanya mampu mengemukakan satu persoalan atau tema sepanjang jalan cerita cerpen tersebut. Hal ini disebabkan cerpen tidak mempunyai bilangan perkataan atau muka surat yang banyak seperti genre novel. Selain itu, Sethuraman (2014) mengenal pasti kewujudan pelbagai bentuk cerpen yang unik seperti cerpen poskad (*post card short story*), cerita mikro atau cerpen seayat, dan cerpen sehalaman dalam dunia pengkaryaan cerpen moden sekarang.



Menurut pandangan penulis genre cerpen yang tersohor, Edgar Allan Poe, sesuatu cerpen tersebut patutlah mampu dibaca dalam satu sidang masa yang pendek, iaitu masa antara setengah jam hingga dua jam (Subramaniam, 2005). Konteks ini yang diguna pakai oleh pengkaji untuk mengertikan istilah cerpen dalam kajian ini. Kesemua cerpen dalam koleksi cerpen yang dikaji ini hanya mempunyai 6 muka surat hingga 20 muka surat sahaja. Oleh itu, istilah cerpen tepat digunakan dalam kajian ini kerana kesemua cerpen yang dikaji dalam kajian ini mempunyai bilangan muka surat yang dapat dibaca dalam tempoh satu sidang masa yang singkat.



1.10 Kesimpulan

Rumusannya, kajian Analisis Hierarki Keperluan Masyarakat India Malaysia Berdasarkan Watak Utama dalam Kumpulan Cerpen *Ethirvinaikal* karya Ko.Punniavan merupakan satu analisis sastra yang mempraktikkan pendekatan psikologi humanistik, iaitu Model Hierarki Keperluan Maslow. Kajian hierarki keperluan masyarakat merupakan satu kajian yang berbeza daripada kajian-kajian yang biasanya dilaksanakan terhadap karya sastra moden Tamil Malaysia. Karya sastra moden Tamil Malaysia lazimnya dikaji dengan mengguna pakai teori-teori sosiologi untuk mendapatkan pemahaman lebih jelas terhadap aspek struktur luaran seperti tema, persoalan, watak dan perwatakan, latar serta sudut pandangan. Tetapi, kajian ini mengambil inisiatif untuk menganalisis keperluan masyarakat India Malaysia dengan mengkaji watak-watak dalam cerpen-cerpen yang dipilih dengan menggunakan teori psikologi.

Elemen-elemen asas kajian sastra seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, sumber kajian, definisi konsep dan operasional digunakan untuk membimbing pengkaji agar pengkaji tidak terpesong daripada hala tujuan kajian ini.